

## 77 Pelajar Pascasiswazah UMS Terima Bantuan Pengajian

Terakhir dikemaskini: Khamis, 16 Mei 2019 07:32 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 188

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

KHAMIS, 16  
MEI -  
Seramai 77  
pelajar  
Sarjana dan  
Doktor  
Falsafah  
Universiti  
Malaysia  
Sabah (UMS)  
menerima  
Skim  
Bantuan

Pascasiswazah (SBP) Semester 2 Sesi 2018/2019 dalam satu majlis penyerahan surat tawaran skim berkenaan yang disampaikan oleh Timbalan Dekan (Kebajikan Pelajar), Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPPS), Dr. Azaze @ Azizi Abdul Adis, baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, empat daripadanya merupakan pelajar antarabangsa yang menerima Skim Yuran Pelajar Antarabangsa (SYPA).

Pada majlis tersebut, Dekan PPPS, Profesor Dr. Arsiah Bahron mengingatkan kepada para penerima untuk memanfaatkan skim bantuan berkenaan sebaik mungkin dan menggunakannya untuk mencapai *Graduate on Time* (GoT).

“Semoga dengan adanya skim ini, dapatlah meringankan beban kewangan para pelajar dan semoga mereka yang menerima skim ini akan terus cemerlang dalam pengajian.

“Saya juga menyarankan agar semua penerima mengikuti pertandingan 3 Minute Thesis yang diadakan setiap tahun,” ujarnya dalam teks ucapan yang disampaikan oleh Dr. Azaze.

Sementara itu, Dr. Azaze mengingatkan kepada semua penerima untuk mengikuti program Kolokium SBP yang akan diadakan pada bulan Julai 2019.

“Dalam kolokium tersebut, para penerima SBP akan membentangkan secara ringkas mengenai penyelidikan dan kemajuan pengajian masing-masing,”ujarnya.

Untuk rekod, seramai 127 penerima SBP telah tamat pengajian antara tahun 2015 sehingga 2017, iaitu 15 orang daripadanya telah GoT dan selebihnya telah menghabiskan pengajian dengan jayanya.